

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

Jawatankuasa khas pantau kos sara hidup rakyat

Jawatankuasa khas pantau kos sara hidup rakyat

Inisiatif dilaksana cari penyelesaian tuntas kepada isu berbangkit

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar_bh.com.my

Shah Alam: Kerajaan menuahkan Jawatankuasa Pelaksanaan dan Pemantauan Kos Sara Hidup bagi memberi tumpuan memban-

tu meringankan beban rakyat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata penubuhan jawatankuasa itu membabitkan kementerian serta agensi berkaitan dalam mencari penyelesaian tuntas kepada semua isu berbangkit ber- kaitan kos sara hidup penduduk negara ini.

"Saya diminta oleh Perdana

Menteri untuk mewujudkan sebuah jawatankuasa pelaksanaan dan pemantauan kepada kos sara hidup," katanya ketika ditemui selepas majlis makan tengah hari sempena penubuhan Kerajaan Perpaduan di Jalan Bukit Kemuning, di sini, semalam.

Jadi keutamaan PM

Ahmad Zahid berkata, isu kos sa- ra hidup menjadi keutamaan Da- tuk Seri Anwar Ibrahim serta ker- rajaan dan perkara itu dapat di- lihat dalam tempoh sebulan pe- lantikan Perdana Menteri ke-10 berkenaan.

"Saya bekerjasama dengan menteri tertentu yang menjaga portfolio mengenai kos sara hidup ini bersama KSU (ketua setiausaha), ketua pengarah serta lain-lain pegawai kanan di kementerian untuk menangani per- masalahan ini secara tuntas.

"Hari ini (semalam), genap se- bulan pelantikan Perdana Men- teri dan dalam tempoh sesingkat



Ahmad Zahid beramah mesra dengan pengunjung pada majlis makan tengah hari sempena penubuhan Kerajaan Perpaduan di Jalan Bukit Kemuning, Shah Alam, semalam.

(Foto Hazreen Mohamad/BH)

ini, kita sudah melihat beberapa pendekatan baharu oleh beliau dan pentadbirannya, terutama dalam kalangan timbalan perda- na menteri, menteri serta timba- lan menteri.

"Satu perkara dijadikan keutamaan beliau (Anwar) ialah me- ngenai kos sara hidup untuk rakyat keseluruhan," katanya sam- bil menambah, sepanjang tempoh sebulan ini juga, pelbagai pengumuman dan perubahan diumum- kan kerajaan, khususnya setiap kali selepas mesyuarat Kabinet.

Beliau yang juga Menteri Ke-

majuhan Desa dan Wilayah, ber- kata pelbagai langkah yang dia- mil kerajaan sudah tentu mem- beri kelegaan kepada rakyat.

Langkah legakan rakyat

"Ini sudah tentu melegakan ke- banyakkan rakyat dan ini adalah pendekatan baharu. Bukan saha- ja dalam isu tarif elektrik, tetapi penyelesaian terhadap kekurangan bahan makanan utama.

"Bukan hanya dapat pertahan- kan harga itu, malah dapat di- kurangkan dengan pelbagai ka- dah yang dilakukan.

"Bagi saya, ini adalah pencapaian yang dibuat oleh Perdana Menteri," katanya.

Terdahulu dalam ucappannya, Ahmad Zahid memberi jaminan akan berusaha membantu men- cari penyelesaian berhubung isu kekurangan tenaga kerja asing.

"Mengenai isu pekerja asing, terutama untuk industri buruh dan sebagainya, saya akan mem- berikan pandangan dan akan minta tolong Menteri Dalam Ne- geri (Datuk Seri Saifuddin Nasu- tion Ismail) untuk menyelesaikan masalah ini," katanya.